

PRU-13: TPM dicabar calon Pas di Parlimen Pagoh
Utusan Online
20 April, 2013

PAGOH 21 April - Tan Sri Muhyiddin Yassin (BN) ditentang calon Pas, Razali Jamil dalam pertandingan satu lawan satu bagi kerusi Parlimen Pagoh dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini.

Timbalan Perdana Menteri menyerahkan borang pencalonan pada pukul 9.30 dengan diiringi pencadang, Senator Noriah Mahat, dan penyokong beliau, Datuk Gan Hong Su.

Lebih 1,500 penyokong BN berkumpul bagi menyokong BN manakala 300 lagi penyokong pembangkang. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_93/PRU-13-TPM-dicabar-calón-Pas-di-Parlimen-Pagoh#ixzz2ZuTtECBo

© Utusan Melayu (M) Bhd